

**UCAPAN  
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI  
DI MAJLIS KONSULTASI BAJET 2007 DI KEMENTERIAN  
KEWANGAN, PUTRAJAYA  
1 JUN 2006**

-----

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YB MENTERI KEWANGAN II

YBHG. KETUA SETIAUSAHA NEGARA

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKELIAN

1. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KE MAJLIS KONSULTASI BAJET 2007. KONSULTASI BAJET INI MERUPAKAN ACARA TAHUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN UNTUK MENDAPATKAN INPUT, PANDANGAN DAN MAKLUM BALAS DARIPADA SEKTOR SWASTA, MASYARAKAT DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN DALAM MENYEDIAKAN BAJET BAGI TAHUN HADAPAN.

2. PADA 29 MEI 2006 YANG LALU, PARLIMEN TELAH MELULUSKAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN. SETELAH BEBERAPA MINGGU MEMBAHASKAN DASAR DAN STRATEGI RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN, TIBALAH MASANYA UNTUK KITA MELAKSANAKAN SEGALA STRATEGI DAN PROGRAM YANG TELAH DIJANJIKAN. SEPERTIMANA SAUDARA DAN SAUDARI SEDIA MAKLUM, RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN MERUPAKAN PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN LIMA TAHUN NEGARA BAGI TEMPOH 2006 HINGGA 2010 UNTUK MEMENUHI MISI NASIONAL, YAKNI FASA KEDUA KE ARAH MENCAPAI MATLAMAT WAWASAN 2020. PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK INI AKAN MELETAKKAN ASAS YANG KUKUH BAGI KITA SEMUA KE ARAH MEREALISASIKAN MATLAMAT MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU, MENGIKUT ACUAN KITA SENDIRI, MENJELANG TAHUN 2020. BAJET 2007 MERUPAKAN BAJET TAHUN KEDUA UNTUK RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN. JUSTERU, ADALAH PENTING SUPAYA MAJLIS KONSULTASI INI MENGAMBIL KIRA INTIPATI DAN HASRAT YANG TELAH DIGARISKAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN. UNTUK MAKLUMAN, BAJET 2007 AKAN DIBENTANGKAN DI PARLIMEN PADA 1 SEPTEMBER AKAN DATANG.

3. SAYA AKAN MEMASTIKAN BAHAWA SEGALA ISU YANG DIBANGKITKAN DAN CADANGAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH SAUDARA DAN SAUDARI AKAN DIBERI PERHATIAN SEPENUHNYA. KEPADA KESEMUA PERTUBUHAN, ORGANISASI DAN PERSATUAN YANG TELAHPUN MENGEMUKAKAN MEMORANDUM MEREKA, TERMASUK YANG TURUT SAMA MENJAYAKAN MAJLIS KONSULTASI BAJET 2007 PADA PAGI INI,

SAYA INGIN MENGUCAPKAN BERBANYAK TERIMA KASIH DAN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,

4. SEJAK PEMBENTANGAN BAJET 2006 PADA 30 SEPTEMBER 2005 YANG LALU, PRESTASI EKONOMI NEGARA TERUS MENUNJUKKAN PERKEMBANGAN YANG MENGGALAKKAN. NAMUN BEGITU, PERSEKITARAN EKONOMI DUNIA TERUS BEGITU MENCABAR, TERUTAMANYA AKIBAT KESAN KENAIKAN HARGA MINYAK MENTAH GLOBAL, PENINGKATAN KADAR FAEDAH DI NEGARA-NEGARA UTAMA, DI SAMPING PENULARAN WABAK SELESEMA BURUNG DAN JUGA KETEGANGAN GEOPOLITIK DI TIMUR TENGAH. DI SAMPING ITU, KETIDAKSEIMBANGAN EKONOMI DUNIA DAN PENINGKATAN LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN ("PROTECTIONISM") JUGA MEMPENGARUHI PERKEMBANGAN EKONOMI DI PERINGKAT ANTARABANGSA. SUNGGUHPUN BEGITU, NEGARA KITA TELAH BERJAYA MENCATAT KADAR PERTUMBUHAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (K.D.N.K.) YANG KUKUH SEBANYAK 5.2 PERATUS PADA TAHUN 2005. INI ADALAH BERKAT HASIL KERJASAMA SEMUA PIHAK DALAM MEMBANTU KERAJAAN MELAKSANAKAN STRATEGI DAN LANGKAH PENGURUSAN EKONOMI NEGARA SECARA FLEKSIBEL DAN PRAGMATIK.

5. SEKTOR SWASTA TELAH MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI PENERAJU KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA DENGAN PENINGKATAN DALAM PERBELANJAAN PELABURAN SERTA PENGGUNAAN YANG TERUS KUKUH. KECERGASAN SEKTOR SWASTA DALAM NEGERI TELAH DIMANTAPKAN LAGI DENGAN PENINGKATAN PESAT EKSPORT NEGARA, BERIKUTAN TREN PENINGKATAN SEMULA KITARAN PERMINTAAN BAGI BARANGAN ELEKTRONIK DUNIA. INI DICERMINKAN OLEH PRESTASI SEKTOR PEMBUATAN YANG KEMBALI CERGAS SEJAK SEPARUH KEDUA TAHUN LALU. SELAIN DARIPADA ITU, PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN JUGA TERUS MEMBERANGSANGKAN DAN BERPOTENSI UNTUK TERUS MENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI PADA MASA AKAN DATANG.

6. PERANGKAAN TERKINI JUGA MENUNJUKKAN BAHAWA KEGIATAN EKONOMI NEGARA TERUS BERKEMBANG KUKUH. PERTUMBUHAN K.D.N.K. BAGI SUKU PERTAMA TAHUN 2006 BERADA PADA KADAR 5.3 PERATUS, BERBANDING PERTUMBUHAN SEBANYAK 5.2 PERATUS YANG DICATATKAN PADA SUKU KEEMPAT TAHUN 2005. PENCAPAIAN YANG MENGGALAKKAN INI DISANDARKAN KEPADA BEBERAPA PETUNJUK EKONOMI UTAMA, SEPERTI BERIKUT:

I. PERTAMA, PERBELANJAAN PERMINTAAN DALAM NEGERI TERUS MANTAP, BERKEMBANG SEBANYAK 7.6 PERATUS DENGAN PENINGKATAN DALAM PENGGUNAAN DAN PELABURAN SEKTOR SWASTA YANG DISOKONG OLEH HARGA KOMODITI UTAMA YANG TERUS TINGGI, PENDAPATAN KORPORAT YANG MENINGKAT SERTA SKIM PEMBIAYAAN YANG MUDAH DIPEROLEHI;

II. KEDUA, HARGA KOMODITI UTAMA YANG TINGGI JUGA TURUT MEMBANTU MENINGKATKAN PENDAPATAN MASYARAKAT DI LUAR BANDAR, TERUTAMANYA GOLONGAN PETANI, BERIKUTAN DARI HARGA GETAH YANG BERADA PADA PARAS TERTINGGI DALAM TEMPOH DUA PULUH TAHUN SEBANYAK 8 RINGGIT 17 SEN

SEKILOGRAM PADA 23 MEI 2006, DAN JUGA MINYAK SAWIT YANG MENCATAT HARGA TERTINGGI TAHUN 2006 PADA 1 MAC SEBANYAK 1,468 RINGGIT SETAN METRIK;

III. KETIGA, KEDUDUKAN NILAI TUKARAN ASING BAGI RINGGIT BERTAMBAH KUKUH, DENGAN MENCATAT PENINGKATAN SEBANYAK 6 PERATUS KEPADA 3.58 RINGGIT BAGI SATU DOLAR AMERIKA SYARIKAT PADA 11 MEI 2006, TERBAIK DALAM TEMPOH 8 TAHUN, BERIKUTAN PEMANSUHAN LANGKAH TAMBATAN RINGGIT PADA 21 JULAI 2005; DAN

IV. KEEMPAT, NEGARA TERUS MENCATAT LEBIHAN IMBANGAN PERDAGANGAN MELEBIHI 100 BULAN SEJAK BULAN NOVEMBER 1997. SETERUSNYA, RIZAB ANTARABANGSA NEGARA KEMBALI MENINGKAT KUKUH KEPADA 289.5 BILION RINGGIT ATAU 78.6 BILION DOLAR AMERIKA PADA 15 MEI 2006, BERBANDING 266.4 BILION RINGGIT ATAU 70.5 BILION DOLAR AMERIKA PADA AKHIR TAHUN 2005.

7. PERANGKAAN-PERANGKAAN INI JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA PRESTASI EKONOMI NEGARA TERUS BERADA PADA LANDASAN YANG TEGUH. TAMBAHAN PULA, KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN SEMAKIN MENGUKUH DENGAN DEFISIT KESELURUHAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BERKURANGAN DARI PARAS TERTINGGI SEBANYAK 5.8 PERATUS DARIPADA K.D.N.K. PADA TAHUN 2000 KEPADA 4.3 PERATUS PADA TAHUN 2004 DAN SEBANYAK 3.8 PERATUS PADA TAHUN 2005.

8. DI SAMPING ITU, PRESTASI EKONOMI YANG SEMAKIN KUKUH TELAH MENINGKATKAN DAYA SAING NEGARA BERBANDING NEGARA-NEGARA SERANTAU YANG LAIN. INI TELAH DIIKTIRAF OLEH 'INSTITUTE OF MANAGEMENT DEVELOPMENT' (I.M.D.) YANG BERPUSAT DI LAUSANNE, SWITZERLAND DALAM PENERBITAN TAHUNANNYA, IAITU 'THE WORLD COMPETITIVENESS YEARBOOK 2006'. MENURUT I.M.D. DALAM KAJIAN TERHADAP DAYA SAING 60 BUAH NEGARA, DAYA SAING MALAYSIA TELAH MENINGKAT LIMA TEMPAT KE TANGGA 23, BERBANDING DENGAN 28 PADA TAHUN YANG LALU. INI MENEMPATKAN MALAYSIA DI TAHAP DAYA SAING YANG LEBIH TINGGI BERBANDING NEGARA-NEGARA ASIA YANG LAIN SEPERTI INDIA, THAILAND, KOREA SELATAN, PHILIPPINES DAN INDONESIA. NAMUN, KITA TIDAK HARUS LEKA DENGAN PENCAPAIAN INI KERANA MALAYSIA MASIH PERLU MENGAMBIL PELBAGAI LANGKAH BAGI TERUS MENINGKATKAN DAYA SAINGNYA SUPAYA SEIRING DENGAN EKONOMI SERANTAU YANG LAIN SEPERTI HONG KONG, SINGAPURA, JEPUN, TAIWAN DAN CHINA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN,

9. SEPERTIMANA KITA SEDIA MAKLUM, PERKEMBANGAN EKONOMI DI PERINGKAT ANTARABANGSA MASIH TIDAK MENENTU, TERUTAMANYA DENGAN KENAIKAN HARGA MINYAK MENTAH YANG KINI MELEBIHI 70 DOLLAR AMERIKA SETONG DAN DASAR MONETARI YANG LEBIH KETAT. SUNGGUHPUN BEGITU, PROSPEK EKONOMI DUNIA DIJANGKA TERUS BERKEMBANG DARIPADA 4.8 PERATUS PADA TAHUN 2005 KEPADA 4.9 PERATUS PADA TAHUN 2006 DAN KEKAL KUKUH SEBANYAK 4.7 PERATUS PADA TAHUN 2007. NAMUN BEGITU, TREN PERTUMBUHAN EKONOMI DUNIA INI TIDAK SEIMBANG DAN IA LEBIH DISOKONG TERUTAMANYA OLEH

JANGKAAN PENINGKATAN PERDAGANGAN DI KALANGAN NEGARA ASIA, MEMANDANGKAN PERSEKITARAN AKTIVITI EKONOMI DI KALANGAN NEGARA MAJU SEPERTI AMERIKA SYARIKAT, KAWASAN EURO DAN JEPUN ADALAH SEDERHANA.

10. JUSTERU, CABARAN LUAR MASIH TETAP ADA. SEBAGAI CONTOH, WALAUPUN ALIRAN MASUK MODAL ANTARABANGSA TERUS BERKEMBANG, IA LEBIH TERTUMPU KE NEGARA-NEGARA MAJU DI SAMPING NEGARA CHINA DAN INDIA YANG TERUS MENJADI DESTINASI PELABURAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN. KEADAAN INI ADALAH KESAN DARI PROSES GLOBALISASI DAN LIBERALISASI EKONOMI DUNIA, YANG DISOKONG OLEH KEMAJUAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI DAN MAKLUMAT YANG PANTAS BERUBAH. SEBAGAI SEBUAH EKONOMI TERBUKA, SEGALA PERKEMBANGAN LUAR INI AKAN SENANTIASA MEMBERI CABARAN KEPADA MALAYSIA DALAM USAHA KITA MERANCAKKAN LAGI PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

11. DALAM PADA ITU, CABARAN-CABARAN DALAM NEGERI JUGA PERLU KITA TANGANI DENGAN SEWAJARNYA AGAR MOMENTUM PERTUMBUHAN EKONOMI KEKAL KUKUH. DI SAMPING MENINGKATKAN LAGI DAYA SAING DAN KETAHANAN EKONOMI NEGARA BAGI MENGHADAPI RISIKO DI PERINGKAT ANTARABANGSA, SUMBER PERTUMBUHAN BARU EKONOMI DALAM NEGERI PERLU TERUS DITEROKAI DENGAN MEMANFAATKAN KEKAYAAN SUMBER NEGARA BAGI MENJANA PERTUMBUHAN YANG BERKUALITI DAN MAMPAN. KERAJAAN AKAN BERUSAHA MEMASTIKAN FAEDAH DARI PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA DINIKMATI OLEH KESEMUA LAPISAN MASYARAKAT, DI SAMPING MEMPERKUKUHKAN LAGI KUALITI DAN TARAF HIDUP RAKYAT. SELAIN ITU, KESAN DARIPADA KENAIKAN HARGA MINYAK AKAN TERUS DIBERI PERHATIAN DENGAN MATLAMAT MENGURANGKAN BEBAN KEWANGAN DAN KOS SARA HIDUP RAKYAT.

12. SEHUBUNGAN ITU, SELAIN DARIPADA PENEROKAAN SUMBER PERTUMBUHAN BARU, KITA JUGA PERLU TERUS MEMBERI PENEKANAN KEPADA PEMBANGUNAN MODAL INSAN SELARAS DENGAN HASRAT KE ARAH MEMBANGUNKAN EKONOMI BERASASKAN ILMU PENGETAHUAN. LANGKAH INI AMAT PENTING BAGI MENJAMIN TENAGA KERJA KITA LEBIH BERKEMAHIRAN TINGGI, PRODUKTIF SERTA SENTIASA KOMITED DALAM USAHA MENCAPAI KEJAYAAN YANG LEBIH CEMERLANG.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN,

13. WALAUPUN KITA BERHADAPAN DENGAN CABARAN-CABARAN LUARAN DAN DALAM NEGERI, PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA DIJANGKA TERUS KUKUH DAN BERKEMBANG PADA KADAR 6 PERATUS PADA TAHUN INI. ANGGARAN PERTUMBUHAN INI DIJANGKA DIJANA OLEH PRESTASI SEKTOR LUAR YANG SEMAKIN MEMBERANGSANGKAN, TERUTAMANYA DENGAN PENINGKATAN KITARAN ELEKTRONIK GLOBAL, HARGA KOMODITI UTAMA YANG KUKUH, DI SAMPING PENINGKATAN PESAT PERBELANJAAN PERMINTAAN DALAM NEGERI. KEBERKESANAN PELAKSANAAN DASAR FISKAL YANG BERHEMAT DAN DASAR KEWANGAN AKOMODATIF YANG TERUS MENYOKONG KECERGASAN AKTIVITI SEKTOR SWASTA, JUGA DAPAT MEMASTIKAN PERTUMBUHAN EKONOMI KEKAL KUKUH.

14. DALAM USAHA KITA MENCAPAI PERTUMBUHAN YANG BERTERUSAN DAN MAMPAN, KITA JUGA MESTI BERSEDIA MEMBUAT BEBERAPA PEMBAHARUAN DAN MENGAMBIL PENDEKATAN BARU YANG LEBIH KREATIF DAN INOVATIF. KITA MESTI BERGANJAK KEPADA MENGAMALKAN BUDAYA DAN MENTALITI KELAS PERTAMA, DI SAMPING TERUS MENERAPKAN NILAI-NILAI MURNI DAN BUDAYA BERBUDI BAHASA. SETELAH BANYAK MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR BERBENTUK FIZIKAL, PEMBANGUNAN KINI PERLU DILENGKAPKAN DENGAN "SOFT INFRASTRUCTURE" YANG BERKAITAN DENGAN PEMBENTUKAN SIKAP, CARA PEMIKIRAN DAN PERIBADI POSITIF BAGI MEWUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT MALAYSIA YANG BUKAN SAHAJA DINAMIK DAN PROGRESIF TETAPI JUGA MEMPUNYAI CIRI-CIRI KETERAMPILAN.

15. KITA JUGA PERLU MEMASTIKAN SUPAYA DASAR DAN STRATEGI YANG DIGUBAL DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN LEBIH BERKESAN UNTUK KEBAIKAN SELURUH RAKYAT JELATA, BUKAN HANYA BAGI GENERASI MASA KINI TETAPI JUGA UNTUK GENERASI AKAN DATANG. PEMBANGUNAN YANG KITA KEJAR PERLU DIPEROLEHI TANPA MEMBERI BEBANAN DAN TANGGUNGAN KEPADA GENERASI AKAN DATANG.

16. JUSTERU ITU, SAYA BERHARAP IDEA-IDEA BERNAS DARIPADA SAUDARA-SAUDARI PADA HARI INI DAPAT DIGUNAKAN BAGI MENGGUBAL STRATEGI DAN LANGKAH YANG LEBIH INOVATIF SUPAYA KITA DAPAT MEMANFAATKAN KEPELBAGAIAN DAN SUMBER NEGARA SECARA OPTIMUM BAGI MENCAPAI PERTUMBUHAN BERKUALITI. KERAJAAN AKAN TERUS MENYEDIAKAN SUASANA YANG KONDUSIF SERTA MESRA PERNIAGAAN DENGAN MEMBERI SOKONGAN DAN GALAKAN YANG SESUAI KEPADA SEKTOR SWASTA. DI SAMPING ITU, KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERI PERHATIAN KEPADA PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH BADAN BUKAN KERAJAAN (N.G.O.) DALAM USAHA MEMBANGUNKAN NEGARA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,

17. UNTUK MEMASTIKAN PELAKSANAAN YANG TEPAT, CEKAP DAN BERKESAN, STRUKTUR DAN HALA CARA MAJLIS TINDAKAN EKONOMI NEGARA (MTEN) TELAH PUN DISUSUN SEMULA. BADAN BERTINDAK PERLAKSANAAN NEGARA (B.B.P.N.) TELAH DITUBUHKAN UNTUK MEMANTAU PROJEK-PROJEK RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN YANG MEMBERI IMPAK BESAR KEPADA RAKYAT. B.B.P.N. INI DIPENGERUSIKAN OLEH SAYA SENDIRI DAN DIANGGOTAI OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI, MENTERI-MENTERI BERKAITAN SERTA KETUA SETIAUSAHA NEGARA. B.B.P.N. INI DISOKONG OLEH SEBUAH DIREKTORAT PELAKSANAAN NEGARA YANG DIANGGOTAI OLEH PAKAR-PAKAR DALAM PENGURUSAN PROGRAM DAN PROJEK. MEKANISME PEMANTAUAN BARU INI JUGA MEMBANTU MEMASTIKAN PROJEK DAN PROGRAM KERAJAAN DAPAT DILAKSANA PADA KOS YANG PALING EFEKTIF. SELAIN ITU, IA JUGA DAPAT MENENTUKAN PROJEK-PROJEK YANG DILAKSANAKAN DAPAT MEMBERI FAEDAH DAN KESAN PENGGANDA EKONOMI YANG MAKSIMUM KEPADA RAKYAT.

18. SELAIN DARIPADA ITU, USAHA MENINGKATKAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM AKAN TERUS DIPERGIATKAN. TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN AMAT PENTING DALAM MEMASTIKAN KELANCARAN PELAKSANAAN SESUATU PROJEK. KERENAH BIROKRASI, KELEWATAN DAN KETIDAKCEKAPAN PERLU TERUS DIKURANGKAN. "THE ROLE OF CIVIL SERVANTS IS NOT TO FRUSTRATE BUT TO FACILITATE"; MEMUDAH BUKAN MENYUSAH, MENYENANG BUKAN MENGHALANG. KITA JUGA SEDIA MAKLUM BAHAWA KELAMBATAN ATAUPUN KEGAGALAN DALAM PELAKSANAAN SESUATU PROJEK MUNGKIN JUGA ADA KAITAN DENGAN GEJALA RASUAH. GEJALA INI MESTI DIPERANGI HABIS-HABISAN MEMANDANGKAN IANYA ADALAH BERTENTANGAN DENGAN NILAI DAN ETIKA YANG KITA SENTIASA TERAPKAN.

19. DARI SEGI PENGURUSAN FISKAL, KERAJAAN AKAN MENERUSKAN LANGKAH KONSOLIDASI KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KE ARAH MENCAPI PARAS "SUSTAINABLE DEFICIT". INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA (P.F.I.) YANG DIPERKENALKAN OLEH KERAJAAN MERUPAKAN SALAH SATU LANGKAH INOVATIF UNTUK MENCAPI OBJEKTIF INI, DENGAN MENGURANGKAN KOS PEMILIKAN ASET YANG PERLU DITANGGUNG OLEH KERAJAAN. PELAKSANAAN PROJEK P.F.I. AKAN DIPERLUASKAN UNTUK MERANGSANG PELABURAN SWASTA DALAM NEGARA MELALUI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI. PENGGUNAAN P.F.I. AKAN MEMUDAHKAN PELAKSANAAN PROJEK KERAJAAN DENGAN LEBIH EFISIEN DAN MENYEIMBANGKAN PERKONGSIAN GANJARAN DAN RISIKO ANTARA KERAJAAN DAN PIHAK SWASTA. SELAIN ITU, KAEDAH P.F.I. DAPAT DIGUNAKAN SEBAGAI SALURAN BANTUAN KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN DAYA MAJU PROJEK SEKTOR SWASTA YANG DIKATEGORIKAN SEBAGAI STRATEGIK ATAU DALAM BIDANG YANG DIPROMOSIKAN. KAEDAH P.F.I. INI DIJANGKA AKAN MERANGSANG INDUSTRI BINAAN DI MANA ANTARA LAIN, P.F.I. AKAN DIGUNAKAN UNTUK PROJEK PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM SERTA PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR PENDIDIKAN.

20. SEMENTARA ITU, BERHUBUNG DENGAN PERUNTUKAN SUBSIDI, KERAJAAN TELAH MEMBELANJAKAN SEJUMLAH 12.8 BILION RINGGIT PADA TAHUN 2005, DI MANA 10.9 BILION RINGGIT ATAU 85.6 PERATUS ADALAH UNTUK SUBSIDI PETROL DAN DIESEL. JUMLAH SUBSIDI YANG BESAR INI SEPATUTNYA BOLEH DISALURKAN UNTUK MEMBIAYAI PEMBANGUNAN NEGARA, TERUTAMANYA BAGI MEMPERBAIKI SISTEM PENGANGKUTAN AWAM DAN MEMAJUKAN KAWASAN-KAWASAN LAIN YANG MASIH KETINGGALAN. SAYA BERHARAP SEMUA PIHAK, KHUSUSNYA FIRMA-FIRMA DAN ISIRUMAH, MEMAHAMI KEDUDUKAN INI, DI SAMPING TERUS BERUSAHA MENCAPI KECEKAPAN PENGELUARAN DAN MENJIMATKAN PENGGUNAAN TENAGA DALAM USAHA MENGEKALKAN DAYA SAING DAN KETAHANAN EKONOMI NEGARA.

21. PEMBERIAN SUBSIDI INI SEHARUSNYA DISASARKAN KEPADA KUMPULAN-KUMPULAN TERTENTU SEPERTI NELAYAN, PETANI DAN MEREKA YANG BERPENDAPATAN RENDAH. SEHUBUNGAN DENGAN INI, KERAJAAN AKAN TERUS MEMASTIKAN MEREKA DAPAT MENIKMATI TARAF DAN KUALITI HIDUP YANG LEBIH BAIK DAN SEJAHTERA, DI SAMPING DAPAT TURUT SERTA DALAM ARUS PEMBANGUNAN NEGARA. DALAM USAHA MENINGKATKAN LAGI KUALITI HIDUP RAKYAT, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL TIDAK SEHARUSNYA HANYA

TERLETAK DI PIHAK KERAJAAN SEMATA-MATA. TANGGUNGJAWAB INI SEHARUSNYA DIPIKUL BERSAMA OLEH SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT, TERMASUK OLEH SEKTOR SWASTA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN,

22. TEMA BAJET 2007 YANG DIPILIH PADA TAHUN INI IALAH “MEMANFAATKAN KEPELBAGAIAN DAN SUMBER NEGARA BAGI PERTUMBUHAN BERKUALITI” ATAU “LEVERAGING DIVERSITY AND ENDOWMENTS FOR QUALITY GROWTH”. INI ADALAH KERANA MALAYSIA MEMPUNYAI BANYAK KELEBIHAN DAN KEKUATAN YANG TERSENDIRI, TERUTAMANYA DARI SEGI KEPELBAGAIAN DAN KURNIAAN SUMBER ASLI, TERMASUK RAKYAT YANG BERBILANG KAUM, AGAMA DAN ADAT RESAM. SELAIN DARIPADA ITU, NEGARA JUGA MEMPUNYAI INFRASTRUKTUR BERTARAF DUNIA, TENAGA BURUH TERLATIH YANG MENGUASAI PELBAGAI BAHASA, SISTEM PERBANKAN DAN PASARAN MODAL YANG KUKUH SERTA TAHAP RIZAB ANTARABANGSA YANG TINGGI. KELEBIHAN DALAM SISTEM PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM JUGA MEMBOLEHKAN KITA MERAHAI PELUANG PELABURAN, TERUTAMANYA DARI NEGARA TIMUR TENGAH. NEGARA JUGA BERPOTENSI UNTUK MEMBANGUNKAN INDUSTRI HALAL DALAM NEGARA, DAN MENJADI SEBUAH HAB INDUSTRI HALAL DUNIA.

23. MAJLIS KONSULTASI PADA TAHUN INI MERUPAKAN KALI YANG KEDUA KITA MENGGUNAKAN FORMAT BARU, SEJAK IANYA MULA DIPERKENALKAN PADA TAHUN LEPAS, BAGI MEWUJUDKAN SUASANA YANG LEBIH INTERAKTIF SERTA PERBINCANGAN YANG LEBIH MENDALAM. OLEH ITU, SELAIN MAJLIS PADA PAGI INI, BANYAK LAGI SIRI PERBINCANGAN AKAN DIADAKAN DALAM BEBERAPA KUMPULAN KERJA KECIL ATAU “FOCUS GROUPS” MENGIKUT ISU-ISU SPESIFIK PADA TARIKH DAN MASA YANG DITETAPKAN. BEBERAPA MESYUARAT “FOCUS GROUPS” TELAH PUN KITA MULAKAN LEBIH AWAL, DI MANA BEBERAPA PESERTA YANG PAKAR DI DALAM BIDANG MASING-MASING TURUT DIJEMPUT UNTUK MEWAKILI KUMPULAN DAN MEMBINCANGKAN ISU-ISU BERKENAAN. KITA JUGA SEDANG MENJALANKAN BEBERAPA KAJIAN ATAU “SHORT-TERM STUDY” MENGENAI BEBERAPA ISU PENTING UNTUK DITELITI DAN SETERUSNYA DIAMBIL KIRA DI DALAM PENYEDIAAN BAJET 2007.

24. PADA PAGI INI, SEBANYAK LIMA ISU UTAMA AKAN DIBENTANGKAN OLEH “LEAD SPEAKERS” DAN DIKUTI OLEH DUA PENGULAS ATAU “DISCUSSANTS” BAGI SETIAP ISU. SETERUSNYA, MAJLIS AKAN DIBUKA KEPADA PARA HADIRIN SEKELIAN UNTUK MENGEMUKAKAN SYOR DAN PANDANGAN MASING-MASING. SAYA BERHARAP BEBERAPA PERKARA YANG TELAH SAYA SARANKAN TADI AKAN MENJADI PANDUAN KEPADA KESEMUA YANG HADIR PADA HARI INI, AGAR KITA DAPAT SAMA-SAMA MENGAMBIL BAHAGIAN SECARA AKTIF DI DALAM MAJLIS INI. SAYA MENYERU AGAR SAUDARA DAN SAUDARI DAPAT SAMA-SAMA BERBINCANG DAN MEMBERI CADANGAN AGAR BAJET 2007 MAMPU MENYOKONG DASAR DAN STRATEGI RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN DENGAN JAYANYA.

SEKIAN, TERIMA KASIH.